



30 APR, 2024

## Kerajaan rancang galak pasang sistem solar di hospital

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## Kerajaan rancang galak pasang sistem solar di hospital

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang merancang usaha bagi menggalakkan pemasangan dan penggunaan sistem solar di hospital kerajaan menerusi kerjasama dengan pihak swasta dalam menyokong usaha peralihan tenaga di peringkat organisasi berteraskan perkhidmatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata rancangan itu sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Perubahan Tenaga Negara (NETR), melibatkan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan (KKM) selain mengambil kira peruntukan kewangan.

"Apa yang kita rencanakan untuk mereka bekerja dengan pihak swasta sebagai *service provider* dengan pihak swasta yang akan pasang (sistem solar).

"Tapi nanti akan ada *profit sharing* dari segi penjimatan tenaga, selain manfaat dalam carbon trading," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sistem penjanaan tenaga solar dengan kapasiti 420 kilowatt bagi fasiliti di bawah IHH Healthcare Malaysia di Pusat Perubatan Prince Court di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata 88 peratus daripada kuota 1,100 megawatt (MW) Program Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) bagi pemasangan solar di bumbung bangunan untuk pengguna komersial dan industri berjaya diagihkan kepada pelbagai pihak setakat ini.

Beliau berkata, tumpuan peralihan tenaga ketika ini akan diberikan kepada usaha memanfaatkan potensi sumber tenaga boleh diperbaharui tersedia yang dimiliki negara ini seperti daripada sumber solar, biojisim, biogas dan hidroelektrik.

"Antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang berpotensi, mudah dibangunkan dengan kos yang optimum dan pada berskala utiliti dengan memanfaatkan sumber solar di bumbung premis dan bangunan," katanya.

Beliau turut memuji usaha IHH Healthcare Malaysia yang memanfaatkan ruang bumbung di semua 16 buah hospital di bawah kumpulan syarikatnya di seluruh Malaysia untuk pemasangan sistem solar.

"Inisiatif IHH Healthcare satu pencapaian penting ke arah komitmen Malaysia terhadap kemampanan dan tenaga boleh diperbaharui sejajar matlamat negara mencapai pelepasan gas rumah hijau *net-zero* menjelang 2050," katanya.